

Siasat sebelum percaya: Dr M

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata salah satu bibit yang membawa kepada perpecahan antara umat Islam dan rakyat keseluruhannya ialah sikap suka mempercayai berita-berita sebelum diselidiki.

Perdana Menteri berkata yang selalu terjadi ialah selepas beberapa bulan atau tahun kemudian barulah diketahui bahawa sesuatu berita itu palsu dan fitnah sahaja.

"Seseorang yang beriman seharusnya menyelidiki dahulu sesuatu berita sebelum mempercayainya," kata beliau dalam perutusan Hari Raya Fitrah yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Katanya Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam al-Quran, surah Al-Hujuraat ayat 6, yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman. Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak memimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini — dengan sebab kejahatan

KUALA LUMPUR, Khamis

kamu (mengenainya) — sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu sudah lakukan."

Perkara ini patut diamalkan supaya sesuatu padah buruk tidak akan menimpa sesuatu kaum atau orang perseorangan.

Beliau berkata tidak semua berita yang diterima semestinya tidak benar, tetapi ada kemungkinan juga sebahagian daripada berita-berita itu direka untuk sesuatu tujuan.

"Justeru itu kita mestilah berwaspada dan taksud terhadap seruan al-Quran, iaitu menyelidik terlebih dahulu semua berita yang didengar supaya kita tidak berpecah belah kerana fitnah.

Fitnah

"Amatlah bersalah dan berdosa jika kita dengan mudah menolong menyebarkan berita yang kesahihannya tidak diketahui," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di samping itu rakyat haruslah hormat-menghormati dan bersopan santun sesama sendiri sesuai dengan ayat-ayat suci dalam al-Quran yang menyeru umat Islam supaya berbudi, bersopan dan hormat menghormati.

"Ini sebagai bukti menunjukkan umat Islam tidak dapat memisahkan antara iman dengan sopan santun dalam hidup," jelasnya.

Perdana Menteri berkata inilah nilai-nilai yang patut dipegang untuk meneruskan perpaduan yang sudah dipupuk selama ini, dan di hari raya yang mulia ini semua pihak haruslah mengabadikan semula nilai-nilai murni itu untuk menggantikan sikap yang mungkin membawa kepada perpecahan.

Katanya negara Islam yang sedang membangun tidak terlepas daripada menjadi sasaran fitnah ini. Di negara ini sendiri dengan cara halus dan tidak langsung, mereka menghasut golongan tertentu supaya bertindak mengancam kestabilan, kerana kestabilan menjamin kemajuan serta ketahanan sesebuah negara.

Rakyat harus sedar hakikat ini, dan jauhilah sengketa sesama sendiri jika orang Islam ingin mencapai kejayaan.

"Al-Quran juga mengingatkan kita supaya jangan mencemuh dan merendah-rendahkan sesuatu puak atau kumpulan, kerana puak atau kumpulan yang dicemuh itu mungkin lebih baik daripada kita.

"Seterusnya al-Quran dalam ayat 11 Surah al-Hujuraat, juga melarang sebahagian daripada kita menyatakan perkara-perkara yang menjadi keaiban atau yang memalukan orang lain," katanya.

Kepada pasukan keselamatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata jasa dan pengorbanan mereka tidak boleh dilupakan dan beliau berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala melindungi mereka ketika menjalankan tugas mempertahankan keamanan negara.